

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

**HIS 224 – Institusi Kekeluargaan Islam**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Setiap soalan membawa nilai markah yang sama. Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

...2/-

**BAHAGIAN A**

1. [a] Perkahwinan adalah fitrah semula jadi manusia. Bincangkan lima (5) hukum perkahwinan sebagaimana yang dinyatakan oleh fuqaha'.  
[50 markah]
- [b] Bincangkan 2 hak dan 2 tanggungjawab suami dan isteri dalam Islam berserta dengan dalilnya.  
[50 markah]
2. [a] Mahar adalah suatu perkara yang wajib diberi oleh suami kepada isteri. Nyatakan definisi mahar dan jenisnya-jenisnya serta bincangkan mengapakah mahar tidak termasuk dalam salah satu rukun nikah?  
[50 markah]
- [b] Berikan definisi *wali mujbir* dan apakah alasan yang boleh di gunakan oleh pihak perempuan dalam mengeneipkan arahan perkahwinan yang dikeluarkan oleh *wali mujbir*.  
[50 markah]
3. [a] Seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan menerangkan had umur minimum bakal pengantin lelaki dan perempuan. Bincangkan hikmah penetapan had umur tersebut dan kesesuaiannya dengan tuntutan Islam.  
[50 markah]
- [b] Seksyen 47(5) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan menyatakan pandangan Jawatan kuasa pendamai bagi sesebuah rumahtangga yang bergolak tidak diambil kira dalam hal-hal yang tertentu. Bincangkan hal-hal tersebut berserta dengan hikmahnya.  
[50 markah]

**BAHAGIAN B**

4. Nyatakan hukum masalah-masalah berikut serta alasannya:
  - [a] Jamal menyebut dalam lafaz nikahnya mahar yang berupa barangan yang haram.  
[15 markah]

...3/-

- [b] Azimah akan mengahwini adik susuan Ali sedangkan Ali adalah adik kandung Azimah.  
[10 markah]
- [c] Abu ingin kembali semula kepada bekas isterinya yang telah ditalak tiga.  
[15 markah]
- [d] Hashim telah bernikah dengan Rosnah. Namun Rosnah telah murtad selepas itu. Rosnah menuntut hak maharnya.  
[ 20 markah]
- [e] Dahlan berkahwin dengan Mariah. Setelah berkahwin dia jatuh hati dengan anak perempuan Mariah dan akan mengahwininya.  
[20 markah]
- [f] Nordin menyebut kepada isterinya "Engkau bagiku bagaikan ibuku".  
[20 markah]
5. Dalam hukum-hakam Munakahat terdapat senarai wanita-wanita yang diharamkan seseorang lelaki berkahwin dengan mereka.
- [a] Senaraikan lima wanita yang diharamkan sementara waktu berserta dengan alasan bagi setiap satunya.  
[50 markah]
- [b] Senaraikan wanita yang diharamkan selamanya disebabkan nasab atau keturunan.  
[35 markah]
- [c] Senaraikan tiga wanita yang diharamkan disebabkan perkahwinan.  
[15 markah]
6. Jelaskan persoalan-persoalan berikut:
- [a] Keadaan perpisahan yang mewajibkan *mut'ah* diberikan oleh suami kepada bekas isterinya.  
[30 markah]
- [b] Maksud talak dalam dua bentuk; *sarih* (jelas) dan *kinayah* (sindiran) dan hukum kedua-dua bentuk tersebut.  
[20 markah]

...4/-

- [c] Maksud talak *sunni* dan *bid'i*, hukum keduanya serta hikmah-hikmah diharamkan salah satu daripadanya. [30 markah]
- [d] Dua syarat yang mewajibkan nafkah ke atas suami. [20 markah]

- ooo 0 ooo -